

16/01/2002

Kerajaan kenal pasti lokasi bina gerai

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang mengenal pasti lokasi untuk membina gerai dan menaik taraf premis sedia ada di seluruh negara bagi memastikan tempat menjaja diurus dengan sempurna.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta peniaga dan penjaja kecil yang mendapat tempat perniagaan supaya menjaga dan menguruskannya dengan baik.

"Inilah rancangan kita untuk bandar di seluruh negara, kita tahu kita tidak boleh hapuskan peniaga dan penjaja kecil kerana ramai rakyat suka membeli belah di gerai.

"Justeru, kita tidak akan hapuskan cara hidup kita ini, sebaliknya hanya memperbaiki keadaan supaya ia lebih sesuai dengan sebuah negara yang sudah mencapai kemajuan agak pesat," katanya.

Beliau berucap pada majlis sambutan Aidifitri anjuran Persatuan Penjaja Kecil Wilayah Persekutuan (PPKWP) di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini malam ini. Ia dihadiri lebih 20,000 warga kota. Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri berkata, bukan hasrat kerajaan untuk mendapat keuntungan daripada peniaga kecil dengan mengenakan sewa tetapi ia untuk faedah peniaga bagi membolehkan mereka mendapat keuntungan lebih tinggi.

"Jika mereka akur dan patuh dengan peraturan yang ditetapkan pihak majlis perbandaran, perniagaan akan menjadi lebih tertib dan teratur, seterusnya akan menarik lebih ramai pelanggan," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada masa dahulu kerajaan tidak mempunyai wang untuk membina tempat perniagaan yang tersusun, tetapi kini kerajaan mempunyai wang untuk memperbaiki dan menyediakan tempat yang lebih baik.

"Hari ini kerajaan sudah ada duit sikit...tak banyak tapi kita nak guna duit itu untuk tolong penjaja dan peniaga kecil supaya perniagaan mereka akan menjadi lebih baik dan menarik," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, sekiranya penduduk luar bandar mendapat manfaat daripada pelbagai projek seperti pembinaan jalan, jambatan dan bekalan elektrik, penduduk dalam bandar juga akan dibantu.

"Kita akan beri peruntukan setiap tahun untuk meningkatkan prestasi perniagaan kecil dalam bandar," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga menerima sumbangan daripada syarikat jualan langsung, Creative Network International (CNI) kepada Tabung Mangsa Banjir Negara. CNI menyumbang 20 tan bahan makanan yang bernilai RM2 juta. Tabung itu ditubuhkan oleh PPKWP.

Selain itu, Dr Mahathir juga menerima cek daripada beberapa individu berjumlah kira-kira RM15,000 untuk disumbangkan kepada Tabung Pelarian Afghanistan.

(END)